

23 DEC 1999

Mahathir-dewan

WAKIL RAKYAT BN TAK HADIR PARLIMEN KENA TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada wakil rakyat Barisan Nasional (BN), mereka yang tidak hadir persidangan di Dewan Rakyat akan dikenakan tindakan.

Perdana Menteri berkata mereka sedang diawasi dan yang tidak hadir persidangan tidak akan disenaraikan semula sebagai calon pada pilihan raya akan datang.

"Kita akan ambil ingatan dan kemudian bila ada pilihan raya...kita pilih orang lainlah pulak," kata beliau ketika diminta mengulas mengenai kemerosotan jumlah kehadiran wakil rakyat BN di Parlimen yang dilaporkan baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata demikian pada satu sidang berita selepas melancarkan syiling emas peringatan alaf baru di Palace of the Golden Horses, di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata, kebanyakannya hadir tapi mereka berada di luar dewan.

"Mereka hadir kerana nama mereka dicatat sebagai hadir... kalau mereka tak hadir mereka tak dapat elaun," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, "kerana elaun mereka akan hadir tetapi kadang-kadang mereka duduk di luar kerana mereka boleh mendengar perbincangan dari luar."

"Ini bulan puasa, mereka tak boleh makan...lepas bulan puasa esok, lagi banyaklah duduk di luar," katanya.

Beliau merujuk kepada sesetengah anggota Parlimen yang gemar duduk di kafetaria atau ruang legar Parlimen semasa sidang sedang berlangsung.

Beliau berkata pegawai BN sendiri akan mencatat kehadiran mereka selain daripada Setiausaha Parlimen.

"Kita juga akan mengambil nota tentang berapa lama mereka berada dalam dewan sama ada mereka mengambil bahagian dalam perbincangan, sama ada mereka membuat persiapan untuk perbincangan dan sebagainya, dan ini kita akan lapor kepada pengundi-pengundi mereka," kata beliau.

Mengenai tindakan yang akan diambil, Dr Mahathir berkata, "kita akan timbanglah belum ada sesuatu keputusan lagi."

Baru-baru ini Perdana Menteri menegur wakil rakyat BN kerana ramai daripada mereka tidak hadir pada sidang Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

GM RI